

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD  
RAMLI [DUNGUN]**

**SOALAN**

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan langkah penyelesaian pemain-pemain bola sepak bagi Persatuan Bola Sepak Negeri yang mempunyai tunggakan gaji pemain.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengurusan Pasukan Bola Sepak Negeri adalah di bawah tanggungjawab Persatuan Bola Sepak Negeri. Penyertaan pasukan tersebut adalah melalui Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) yang merupakan ahli gabungan Federation Internationale de Football Association (FIFA). Berdasarkan kepada statut peraturan FIFA, kerajaan tidak mempunyai hak dan kuasa untuk mencampuri perihal berkaitan pengurusan sesuatu persatuan atau pengurusan pasukan bola sepak. Sebarang kepincangan pengurusan yang berkaitan dengan kebajikan pemain-pemain profesional adalah tertakluk kepada peraturan FIFA di mana FAM sendiri tidak mempunyai kuasa untuk mencampuri permasalahan tersebut.

2. Merujuk kepada FAM, isu berkaitan dengan kebajikan pemain-pemain bola sepak bukanlah isu baharu sebaliknya pernah berlaku kepada beberapa pasukan sebelum ini antaranya Felda United dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM). Kedua-dua pasukan tersebut turut mengalami pengalaman yang sama dan telah diarahkan menyelesaikan sebarang tunggakan gaji kepada pemain-pemain mereka. Atas nasihat

FAM, kedua-dua pasukan tersebut telah berjaya mengatasi masalah yang dihadapi secara perundingan dengan pemain-pemain terbabit di mana pasukan tersebut tetap mematuhi arahan pembayaran tetapi dibuat secara beransur melalui persetujuan bersama pasukan dan pemain. Sehingga kini Felda United telah selesai membayar tunggakan gaji pemain sementara ATM berjaya menyelesaikan hampir 75% tunggaknya.

3. Kegagalan sesuatu pasukan untuk menyelesaikan sebarang tunggakan yang telah diarahkan kepada mereka akan membawa kepada beberapa tindakan oleh FIFA dan FAM seperti pemotongan mata kemenangan, diturun taraf penyertaan mereka kepada liga yang lebih rendah ataupun **relegation** malahan turut boleh dibatalkan penyertaan mereka dalam liga bola sepak profesional. Tindakan ini tidak akan menyelesaikan masalah tunggakan atau hutang tersebut apatah lagi sekiranya ianya diputuskan oleh tindakan mahkamah.

4. Namun begitu, pihak Kementerian memandang serius isu ketidakmampuan pasukan-pasukan bola sepak untuk membayar gaji pemain dan perkara ini telahpun dibincangkan dengan FAM bagi mencari kaedah yang lebih berkesan supaya ianya tidak berlaku pada masa-masa akan datang. Antara langkah yang boleh dipertimbangkan adalah mensyaratkan kepada pasukan-pasukan untuk menyediakan bon yang mencukupi sebelum layak menyertai sebarang liga bola sepak profesional.

5. Bagi menangani isu tunggakan gaji pemain ini, pihak FAM menasihatkan Persatuan Bola Sepak Negeri untuk lebih aktif mencari penaja-penaja baharu bagi menampung sumber kewangan mereka untuk membolehkan mereka menyelesaikan tunggakan tersebut selain berbelanja mengikut kemampuan sejajar dengan Program Kawalan Ekonomi (ECP) yang diperkenalkan oleh penganjur liga iaitu Malaysian Football League (MFL) yang bertujuan mewujudkan peraturan belanjawan, kriteria, prosedur dan garis panduan bagi kelab-kelab bola sepak di Malaysia mematuhi peraturan selain mengelakkan mereka berbelanja secara berlebihan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD  
RAMLI [ DUNGUN ]**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan usaha Kementerian dalam menangani masalah kekurangan pelajar Melayu dalam pembelajaran aliran sains.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa berusaha untuk membangunkan modal insan yang berpengetahuan dan berkemahiran untuk menyertai aliran Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM). Usaha yang sedang dilaksanakan ini memberi manfaat kepada semua murid tanpa mengira bangsa.

Inisiatif Pengukuhan Pendidikan STEM telah diwujudkan untuk memberi kesedaran terutamanya kepada murid, guru dan ibu bapa bagi meningkatkan jumlah murid memasuki aliran Sains seperti berikut:

- a) Kolokium Pendidikan STEM yang mensasarkan guru, kaunselor, pentadbir sekolah dan ibu bapa untuk meningkatkan kompetensi, pengetahuan dan menyebarkan maklumat berkenaan kepentingan aliran Sains kepada murid di sekolah;

- b) Program Karnival STEM pula khusus untuk murid dan bertujuan menarik minat mereka untuk memasuki aliran Sains di peringkat menengah atas;
- c) STEM@Island untuk memberi pendedahan kepada warga pedalaman melalui aktiviti *hands-on* serta program bagi menarik minat murid untuk memasuki aliran Sains;
- d) *STEM Grooming Camp* khusus untuk murid menengah rendah bagi menyediakan mereka untuk memilih aliran Sains semasa di tingkatan 4; dan
- e) Jerayawara STEM khusus untuk memberi penerangan dan merancang aktiviti pendidikan STEM bersama-sama pegawai JPN dan PPD di seluruh negara supaya dapat menyebarkan maklumat berkenaan pendidikan STEM ke semua sekolah KPM bagi menarik minat dan menggalakkan murid khususnya memasuki aliran Sains.

Sejak tahun 2019, KPM mula menumpukan kepada pembangunan kompetensi guru dengan memperkenalkan Pendidikan Sains Berasaskan Inkuiri (IBSE) dan Pembelajaran Matematik Secara Inkuiri (IBME). Kaedah pembelajaran secara inkuiri ini menjadikan murid lebih seronok untuk belajar dan dapat mengaplikasi ilmu yang dipelajari dalam kehidupan sebenar lantas menjadikan pendidikan lebih bermakna untuk mereka. Guru yang terlibat dalam program ini terdiri daripada guru sekolah rendah dan menengah rendah dari semua daerah di seluruh negara.

Selain itu, Pusat STEM Negara sedang bekerjasama dengan Yayasan Petronas (YP) untuk melaksanakan Program Duta Guru KPM-YP. Program ini melibatkan semua Pejabat Pendidikan Daerah di seluruh Malaysia. Peserta program ini kebanyakannya terdiri daripada guru sekolah luar bandar dan mempunyai ramai murid dalam kalangan keluarga B40. Objektif utama program ini adalah untuk menghasilkan guru yang

lebih kompeten dan menjadi suri teladan bagi meningkatkan tahap kemahiran berfikir aras tinggi murid.

Melalui pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM), KPM telah menawarkan pakej mata pelajaran elektif STEM bagi peringkat menengah atas mulai tahun 2020. Pakej STEM dengan kombinasi mata pelajaran dari bidang sains tulen, sains gunaan dan teknologi serta vokasional menyediakan lebih peluang kepada murid untuk memilih laluan pendidikan menerusi pakej mata pelajaran yang bersesuaian dengan minat dan kecenderungan murid.

Penawaran pakej STEM di sekolah telah membuka skop yang lebih luas kepada laluan pendidikan dan kerjaya murid dalam usaha melahirkan bakal saintis dan teknokrat seiring dengan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 yang bermatlamat menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang terus membangun secara mampan.

Sekian.